

## KENYATAAN MEDIA

### TEKUN LANCAR SKIM PEMBIAYAAN BANTU SEKTOR INFORMAL

---

**PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2020** – TEKUN Nasional telah melancarkan Skim Pembiayaan Informal (SPIN) dalam usaha membantu usahawan sektor informal yang terjejas ekoran daripada pandemik COVID 19. Sektor informal merupakan pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan profesional, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan SPIN dan dijangka dapat memanfaatkan seramai 10,000 usahawan informal. SPIN juga dapat menggalakkan usahawan sektor informal untuk mendaftarkan perniagaan mereka di mana bagi membuat pembiayaan ulangan, usahawan diwajibkan membuat pendaftaran perniagaan (SSM).

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ketika ditemui berkata, "Golongan usahawan informal inilah yang amat terkesan dengan situasi Covid 19 kerana kebanyakannya bergantung kepada gaji harian dan tidak mempunyai simpanan wang yang banyak untuk bertahan atau modal untuk beralih ke perniagaan baru".

"Dengan adanya kemudahan seperti SPIN, akan dapat membantu usahawan sektor informal yang kurang mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya untuk meneruskan kelangsungan perniagaan. Saya berharap dengan pelaksanaan inisiatif ini tiada usahawan yang tercicir di dalam pelan pemulihan usahawan oleh Kerajaan terutama usahawan kawasan pedalaman", tambah beliau.

Nilai pembiayaan SPIN adalah dari RM1,000 sehingga RM5,000. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah sehingga 3 tahun dan kadar keuntungan yang dikenakan adalah 4% setahun.

Inisiatif ini diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk membangunkan kapasiti dan daya saing usahawan mikro. Melalui bantuan SPIN, anjakan status perniagaan sektor informal ke perniagaan berstatus mikro dan seterusnya kepada kategori yang lebih tinggi akan dapat dilaksanakan.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat hampir 1.26 juta guna tenaga dalam sektor informal di mana 71.7% daripada jumlah tersebut adalah yang bekerja sendiri atau mengusahakan perniagaan mikro.

Kemudahan pembiayaan ini akan dapat membantu sektor informal bagi keperluan modal permulaan atau tambahan termasuklah *homebase business* dan sektor ekonomi gig yang semakin berkembang dan mendapat perhatian.

Selain daripada sektor informal kerajaan juga telah menyalurkan bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19 bagi meringankan beban usahawan dalam mengharungi tempoh yang sukar sejak April 2020.

Langkah kerajaan menyediakan bantuan untuk usahawan mikro melalui TEKUN Nasional dilihat sebagai usaha murni dalam menyantuni golongan itu. Menerusi Pakej PRIHATIN dengan dana yang diperolehi sebanyak RM200 juta, TEKUN Nasional telah melancarkan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) pada April 2020. Di bawah Skim CBRM seramai 26,326 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM200 juta.

Manakala di bawah Pelan PENJANA sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan kepada TEKUN Nasional bagi melancarkan Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS). Seramai 14,966 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada skim tersebut dengan nilai pembiayaan berjumlah RM100 juta.

Sempena Majlis Pelancaran Skim Pembiayaan Informal (SPIN ) yang dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada hari ini, TEKUN Nasional turut meraikan 5 orang penerima terakhir Skim TBRS yang masing-masing akan menerima pembiayaan bernilai RM10 ribu.

Dengan ini keseluruhan dana yang diterima oleh TEKUN Nasional berjumlah RM 300 juta melalui Pakej Prihatin dan Pelan Penjana telah disalurkan sepenuhnya yang memberi manfaat kepada 41,292 orang usahawan mikro di seluruh negara.

Kestabilan mental dan emosi dalam menangani situasi covid-19 dalam perniagaan, mencabar keupayaan usahawan untuk meneruskan perniagaan. MEDAC berharap bantuan yang diberikan oleh Kerajaan ini digunakan sebaik mungkin dalam memulihkan perniagaan. Semoga usaha ini melonjakkan perniagaan usahawan dan meransang ekonomi negara.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga November 2020, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada 473,373 orang usahawan dengan nilai RM6.37 bilion di seluruh negara. Ini menunjukkan kerajaan melalui TEKUN Nasional sememangnya komited dalam membantu usahawan Bumiputera.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**21 DISEMBER 2020**